

HIKMAH IBADAH HAJI DAN KORBAN

17 JUN 2024 | 10 ZULHIJAH 1445H

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ
وَحْدَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Ta'ala di dunia dan akhirat.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Aidiladha adalah hari perayaan ibadah bagi umat Islam. Ia disambut dengan mendirikan solat Aidiladha, bertakbir, bertahmid, bertasbih, bertahlil sebagai syiar pengabdian seorang hamba yang bersyukur kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Laungan takbir, tahmid, tasbih dan tahlil ini turut dikumandangkan oleh umat Islam dari seluruh pelusuk dunia demi mengagungkan dan mensucikan nama Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada hari yang mulia ini. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Isra' ayat 44:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ
وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا

Yang bermaksud: “Langit yang tujuh, bumi dan semua yang ada di dalamnya bertasbih kepada Allah. Dan tak ada satupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya, tetapi kamu sekalian tidak mengerti tasbih mereka. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Aidiladha juga dipanggil dengan nama Hari Raya Haji bersempena dengan perhimpunan umat Islam dari seluruh dunia di tanah suci Mekah bagi menunaikan ibadat haji. Aidiladha juga disebut dengan nama Hari Raya Korban yang mengingatkan kita kisah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam, isterinya Siti Hajar dan anak Baginda Nabi Ismail Alaihissalam yang sabar menghadapi ujian semata-mata untuk mencari keredaan Allah Subhanahu wa-Ta’ala dan memartabatkan agamanya.

Sambutan Hari Raya Korban atau Hari Raya Haji merujuk kepada falsafah pengorbanan yang sanggup menyerahkan segalanya sama ada secara fizikal mahupun spiritual hanya semata-mata meraih keredaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Ibadah haji mendidik kita untuk berkorban harta benda, jiwa dan tenaga demi memastikan kesempurnaan ibadah haji. Pengorbanan ini mencabar nafsu dalam diri kita yang sentiasa tertarik dengan keseronokan dan kemewahan dunia berbanding melaburkan harta benda untuk beribadah. Namun, masih terdapat juga mereka yang berkeupayaan tetapi tidak berkeinginan untuk menunaikan ibadah haji.

Manakala ibadah korban pula mengajar kita tentang kesanggupan Nabi Ibrahim Alaihissalam menerima perintah Allah Ta'ala untuk menyembelih anak kandungnya sendiri Nabi Ismail Alaihissalam kerana taat kepada perintah Allah Ta'ala, yang kemudiannya ditukarkan dengan seekor kibasy dengan kekuasaan Allah Ta'ala sebagaimana firman-Nya dalam surah as- Saffat ayat 107:

وَفَدَيْنَهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾

Yang bermaksud: *“Dan Kami tebus anak itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar.”*

Kisah ini memberi peringatan kepada seluruh umat Islam bahawa adakah kita juga sanggup mengorbankan diri, keluarga dan harta benda yang disayangi demi menegakkan perintah Allah Azza wajalla?. Disebabkan besarnya pengorbanan yang telah dibuktikan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam dan keluarga Baginda maka pensyariatan menyembelih haiwan menjadi salah satu amalan yang paling disukai oleh Allah Ta’ala. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud:

“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada hari al-Nahr (Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada melakukan ibadah korban. Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada reda Allah sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban).”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Umat Islam seluruhnya wajar mencontohi pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang sanggup mendahulukan perintah Allah Ta'ala daripada kepentingan peribadinya. Oleh itu, kita juga hendaklah sanggup berkorban meninggalkan kepentingan puak, politik, peribadi dan lain-lain demi menjaga agama dan membela umat Islam khususnya bangsa Melayu. Hentikanlah perbalahan dan persengketaan politik yang berlaku kerana ia merugikan umat Islam di negara ini yang masih ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia bersesuaian dengan titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang supaya umat Islam sentiasa bersatu padu dengan mengeneipkan fahaman politik kepartian. Maka bersatu dan berkorbanlah atas kepentingan mempertahankan agama Allah Ta'ala di negeri dan negara ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita menanam semangat pengorbanan untuk mentaati perintah Allah Azza wajalla melebihi segala kepentingan yang lain. Hendaklah juga kita bersatu padu dan menjauhi perbalahan sesama kita supaya umat Islam kekal kuat dan dihormati. Pada masa yang sama, teruskanlah

bertakbir sepanjang hari-hari tasyrik khususnya selepas solat fardu sehingga waktu Asar 13 Zulhijjah. Meriahkanlah ibadah korban kerana ia merupakan amalan yang sangat mulia. Mudah-mudahan kita semua mendapat keampunan dan dirahmati oleh Allah Ta'ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۝١ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَحْسِرْ ۝٢ إِيَّاكَ

شَانِعَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۝٣

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.